

Penipuan dalam talian semakin membimbangkan

B/HARIAN

8/8/19

MS 13

Kuala Lumpur: Kerugian yang dilaporkan akibat jenayah siber mencecah RM309.67 juta bagi tempoh Januari hingga Julai tahun ini.

Presiden Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA), Siraj Jalil, berkata perkembangan itu menunjukkan penipuan dalam talian di negara ini nampaknya seperti belum reda.

Angka bagi tujuh bulan pertama tahun ini agak membimbangkan berbanding kerugian RM398.6 juta direkodkan sepanjang 2018 dengan begitu banyak laporan rakyat Malaysia menjadi mangsa penipuan dan kehilangan wang serta barang berharga.

"Ini bukanlah mengenai si bodoh kehilangan wang dan barang berharga, sebaliknya mengenai penjenayah bermulut manis yang licik dalam permainan mereka untuk memperdayakan mangsa yang tidak bersalah dan naif.

"MCCA yang ditubuhkan tahun lalu untuk menyokong hak peng-

guna internet di negara ini, mendapati selain *love scam*, penjenayah turut terbabit dalam *parcel scam*.

"Ia mengakibatkan sesetengah mangsa kerugian antara RM200,000 hingga RM1 juta untuk mendapatkan 'hadiah mewah' yang dijanjikan kepada mereka.

"Penipuan dalam *parcel scam* bermula dengan e-mel yang dihantar oleh warga asing, mendakwa mempunyai keluarga di Malaysia atau bersedia untuk melawat Malaysia.

"Selepas beberapa kali berbual-bual, mangsa diminta menerima kiriman berisi wang atau hadiah barangan berharga," katanya.

Beliau berkata, penipuan itu berkait rapat dengan *love scam* di mana *scammers* atau penipu menggunakan interaksi peribadi dan emosi untuk menerjah minda separa sedar mangsa dan meraih kepercayaan mereka.

Siraj berkata, sebahagian besar



Penipuan dalam parcel scam bermula dengan e-mel yang dihantar oleh warga asing, mendakwa mempunyai keluarga di Malaysia atau bersedia untuk melawat Malaysia.

Siraj Jalil,
Presiden Persatuan Pengguna

daripada penipu adalah warga Nigeria, cenderung menjalin hubungan dengan wanita tempatan dan memperdaya mereka untuk menjadi rakan subahat bagi melakukan jenayah siber.

Masalah bermula beberapa hari selepas 'kiriman diterima' yang

mana mangsa akan mendapat panggilan telefon kononnya daripada kastam atau mana-mana institusi kewangan yang mendesak mereka membayar sejumlah besar wang untuk mendapatkan kiriman, jika tidak mereka perlu menanggung akibatnya.

"Mereka mempergunakan wanita tempatan untuk bertindak sebagai orang tengah meminta bayaran pemprosesan daripada mangsa dan menakut-nakutkan mangsa kononnya jika tidak melunaskan bayaran itu, mereka akan dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa," katanya.

Ditanya punca golongan profesional turut menjadi mangsa, Siraj berkata, mereka kekurangan maklumat dan kesedaran mengenai penipu serta kaedah penipuan, selain cenderung untuk menjadi pengguna tegar media sosial.

"Profesional seperti doktor dan jururawat lazimnya mempunyai kehidupan sosial yang agak ku-

rang disebabkan jadual tugas mereka yang sibuk. Justeru, mereka sering menggunakan media sosial untuk berkongsi perjalanan hidup seharian.

"Apabila kehidupan peribadi didedahkan dan mereka pula tidak banyak mengetahui taktik 'scammers', mereka mudah menjadi sasaran," katanya.

Sementara itu, Siraj menegaskan, bukan sahaja individu kehilangan wang akibat jenayah siber, sebaliknya negara turut menanggung kerugian ekonomi.

"Kerugian ini disebabkan jumlah jenayah siber semakin meningkat dan angka ini boleh memberi kesan negatif kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara," katanya.

Beliau menegaskan, walaupun kerajaan serius dalam menangani masalah itu, ia masih jauh kebelakang dalam aspek pecegahan, termasuk pendidikan dan kesedaran.

BERNAMA